

“MEMPERKUKUH PERANAN BAHASA MELAYU DALAM DUNIA TEKNOLOGI: CABARAN DAN STRATEGI”

Profesor Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin
(Malaysia)

Abstrak

Kertas kerja ini membicarakan persoalan memperkukuh peranan bahasa Melayu dalam dunia teknologi daripada pembentukan sebuah negara bangsa, menghadapi cabaran dan mengesyorkan strategi dalam memperkasakan bahasa Melayu. Mendasari sejarah ketamadunan yang cemerlang, bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu dan menjadi sendi dalam kehidupan sosial sebahagian besar masyarakat rantau Asia Tenggara. Perkembangan teknologi menyajikan perubahan yang drastik terhadap kehidupan mencakupi bahasa. Bahasa Melayu tidak terkecuali. Masa mendatang penuh cabaran dan likunya. Cabaran utama ialah penggiat-penggiat bahasa Melayu perlu lebih berani menggunakan ICT sebagai alat penyelidikan, perkakasan, perisian, aplikasi dan lain-lain untuk pembangunan bahasa Melayu dengan lebih aktif seiring dengan perkembangan dunia teknologi. Memperluaskan bahasa Melayu di peringkat maya dengan ICT menjadi saluran penggunaan bahasa Melayu untuk meneruskan kesinambungan status sejarahnya sebagai bahasa *lingua franca* pada masa depan. Oleh itu, istilah, kamus, ensiklopedia, bahan rujukan bahasa dan persuratan perlu diperbanyak dan dipelbagaikan dengan meningkatkan kuantiti dan kualiti kandungan bahannya. Bagi menjayakan strategi pula, memerlukan kerjasama strategik dan sinergi dengan pusat penyelidikan, universiti, institusi termasuk mewujudkan kumpulan pakar daripada kalangan generasi muda sebagai pemikir, pelapis dan pencipta daripada berbagai-bagai latar belakang kelulusan malah dana khusus untuk menjayakan agenda memperkaya khazanah ilmu dalam bahasa Melayu diperlukan. Lebih berkesan dijadikan agenda nasional. Kerjasama media diperlukan ke arah meningkatkan peranannya dalam pembudayaan bahasa Melayu tinggi dan ke arah status bahasa supranasional. Akhir sekali, memerlukan ketegasan dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan bahasa Melayu supaya dihormati dengan penuh tanggungjawab.

Kata kunci: Negara bangsa, teknologi, ICT, *lingua franca*, bahasa Melayu, bahasa ilmu, agenda nasional, supranasional.



PENDAHULUAN.

Sebagaimana yang diungkapkan oleh Sarjana Belanda, Francois Valentijn, bahasa Melayu pada abad ke-16 telah menyamai taraf dan peranan bahasa Latin dan bahasa Perancis di benua Eropah dan merupakan *lingua franca* atau bahasa perhubungan antarabangsa di Nusantara. Nyata, bahasa Melayu adalah salah satu bahasa utama dunia. Bilangan penutur bahasa Melayu melebihi 300 juta orang, antara bahasa yang banyak penuturnya di dunia ini. Jumlah penutur ini tersebar di seluruh pelosok dunia seperti Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura, selatan Filipina, selatan Thai, Kemboja, Afrika Selatan, Sri Lanka dan lain-lain dalam Dunia Melayu.

Peranan bahasa Melayu dalam pembinaan negara pascamerdeka sebenarnya merupakan kesinambungan kecemerlangan ratusan tahun yang lalu di Nusantara. Bahasa Melayu telah menjadi salah satu asas penting dalam pembentukan konsep negara, paling lewat sejak abad ke-7 Masihi. Pada abad itu, muncul kerajaan Sriwijaya yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran, bahasa perdagangan dan bahasa pengajian agama (Buddha). Apabila kemudian muncul kesultanan Melayu di pelbagai tempat di Kepulauan Melayu, seperti kerajaan Pasai, kerajaan Melaka, kerajaan Aceh, kerajaan Kutai, kerajaan Patani dan kerajaan Brunei, bahasa Melayu kian jelas dan meluas peranannya dalam pembinaan negara dan pembentukan tamadun. Sia-sialah pembicaraan yang tidak mengaitkan bahasa Melayu dengan cita-cita besar membina tamadun bangsa dan negara, kerana dari tahap awal perkembangannya, bahasa Melayu senantiasa menjadi petunjuk dan kayu ukur kemajuan bangsa (Awang Sariyan, 2013).

Sebagai bahasa ilmu pula, bahasa Melayu menjadi wasilah pengungkapan dan pengembangan ilmu yang cukup luas cakupannya, khususnya ilmu yang berkaitan dengan agama Islam, seperti akidah, fiqah dan tasawuf, selaras dengan proses pengislaman yang sedang pesat berlangsung pada waktu itu. Dalam bidang sastera, pada zaman kesultanan Melayulah, bahasa Melayu benar-benar menjadi bahasa sastera yang mekar, meliputi pelbagai bentuk prosa dan puisi. Di samping itu, bahasa Melayu telah menjadi bahasa undang-undang bagi hampir setiap kesultanan Melayu; antaranya yang amat masyhur ialah *Hukum Kanun Melaka*. Di peringkat antarabangsa pula, bahasa Melayu telah menjadi bahasa perhubungan diplomatik apabila digunakan dalam warkah dan perutusan serta perjanjian dengan kuasa-kuasa dan pihak-pihak asing (Awang Sariyan, 2013).

Objektif kertas kerja seminar ini memberi tumpuan kepada;

- i. menjelaskan tentang peranan bahasa Melayu dalam pembentukan sebuah negara bangsa Malaysia,
- ii. membincangkan cabaran-cabaran untuk memperkukuh peranan bahasa Melayu dalam dunia teknologi dan
- iii. mencadangkan strategi-strategi yang bersesuaian untuk memperkukuh peranan bahasa Melayu dalam dunia teknologi.



Perbincangan objektif di atas mengambil kira Pelan Tindakan Strategik DBP 2011-2015 yang menjadi asas dalam membincangkan peranan, pembangunan dan perkembangan bahasa Melayu, khususnya di Malaysia termasuk rantau Asia Tenggara dan antarabangsa.

Peranan Bahasa Melayu dalam Pembentukan Sebuah Negara Bangsa Malaysia.

Peranan bahasa Melayu dalam pembinaan negara bangsa berasaskan tiga kedudukan utama yang diperuntukkan, iaitu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu menjadi salah satu asas jati diri rakyat dan negara, dan menjadi unsur perpaduan rakyat berbilang keturunan. Sebagai bahasa rasmi, bahasa Melayu menjadi alat perhubungan yang menggerakkan jentera pentadbiran negara. Sebagai bahasa ilmu pula, bahasa Melayu berperanan menjadi wasilah penyampaian ilmu kepada rakyat, khususnya generasi muda, dalam rangka membentuk modal insan untuk membangunkan negara dalam segenap bidang (Awang Sariyan, 2012, 2009, Muhyiddin Mohd Yassin, 2012).

Peranan bahasa Melayu perlu dimantapkan selain memperkasakannya sebagai bahasa ilmu. Oleh itu, sambutan Bulan Bahasa Peringkat Kebangsaan adalah sebahagian daripada rangkaian perjuangan yang panjang dalam memartabatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan di negara ini. Beliau menegaskan “Daripada empat negara Ekonomi Perindustrian Baru Asia Timur, hanya Singapura tidak mengekalkan bahasa ibunda. Jika kita teliti perkembangan negara-negara berkenaan, kita dapati bahasa Inggeris adalah bahasa penting, tetapi bukanlah satu-satunya bahasa yang menjamin kemajuan” (Muhyiddin Mohd Yassin, 2011). Kenyataan ini menunjukkan bahawa jati diri, pemikiran dan kemajuan hendaklah bersendikan bahasa dan sosio-budaya tempatan dalam pembangunan identiti bangsa tersebut. Bangsa Jepun maju dengan kembali kepada akar budaya bangsanya sendiri.

Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu perlu didaulatkan melalui penggunaan teknologi yang meluas. Ia mampu menjadi bahasa ilmu untuk membina tradisi keilmuan, dan harus diperjuangkan dan diletakkan sebagai bahasa saintifik serta diguna pakai dalam sistem pendidikan, pentadbiran malahan dalam semua agenda negara. Banyak kajian saintifik membuktikan keperluan teknologi dalam meningkatkan penggunaan bahan berbahasa Melayu sama ada dalam pendidikan, penyelidikan, penerbitan mahupun perundangan. Contohnya, penggunaan *iMindMap* dapat meningkatkan pencapaian pelajar malah dalam aspek isi, bahasa dan teknik karangan (Noradinah et. all 2014). Begitu juga, penggunaan perisian asas membaca berkesan dalam membantu meningkatkan pencapaian asas membaca murid-murid peringkat prasekolah termasuk memberi implikasi kepada pengajaran guru dan pembelajaran murid (Suraya Tarasat & Aisah Daud, 2014). Oleh itu, bahasa Melayu



perlu bersepadu dan bergandingan dengan teknologi untuk mengangkat martabatnya sebagai bahasa ilmu dalam pendidikan tinggi mana-mana negara yang berbahasa Melayu.

Bahasa Melayu perlu bersepadu dan bergerak seiring dengan perkembangan teknologi. Melalui cara ini, bahasa Melayu mampu mengaplikasikan sumber ilmu teknologi itu untuk menguasai dan menjana maklumat daripada berbagai bidang kebahasaan bahasa Melayu dalam dunia yang berubah dengan drastik. Dapatan kajian seperti pengkaedahan pembelajaran berbantuan komputer dapat membuka ruang kepada pelajar meneroka pembelajaran sendiri (Nor'Aini, 2008) dan integrasi antara multimedia dan teknologi dalam bilik darjah dapat membantu pelajar-pelajar untuk memperoleh kemahiran-kemahiran tertentu serta menjadikan mereka yang produktif (Qais Faryadi, 2006) membuktikan kepentingan teknologi dalam meningkatkan keupayaan bahasa Melayu sebagai alat dan perkakasan dalam dunia pendidikan. Oleh itu, sebahagian bahan itu mestilah berbentuk digital untuk memenuhi keperluan semasa pengguna terutama, generasi muda yang membesar di hadapan komputer, internet, pangkalan data dan portal termasuk berbagai jenis gajet. Justeru, golongan penyelidik, guru, pensyarah, pengarang, penerbit malah institusi penyelidikan hendaklah menggembeng usaha ke arah mencapai impian tersebut.

Kemajuan dan pencapaian negara bangsa yang bersatu padu dan berteknologi tinggi perlulah diiringi dengan pencapaian dalam mengekal dan memajukan bahasa Melayu kerana bahasa inilah yang diyakini sepenuhnya oleh masyarakat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan (Marlyna Maros, 2001, Abu Hassan Othman, 1997). Peranan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan tidak harus sekadar bersifat simbolis dalam pentadbiran tetapi seharusnya berperanan sebagai bahasa perantaraan dalam segala aspek dan peringkat kehidupan sosial dan kehidupan berbangsa di negara ini (Rustam Sani, 1993). Perhubungan sosial melalui pendidikan seperti proses pengajaran yang berkesan membolehkan bahasa Melayu bukan sahaja dapat dimartabatkan tetapi diperkembangkan lagi di arena antarabangsa termasuk sebagai sumber rujukan dan maklumat (Yong Chyn Chye & S.Vijayaletchumy, 2012). Oleh itu, sebagai bahasa rasmi, bahasa Melayu menjadi salah satu unsur penggerak jentera pentadbiran negara, dengan peranannya sebagai wahana komunikasi rasmi dalam pelbagai urusan pentadbiran sehingga kecekapan pentadbiran sebahagiannya, bergantung pada kecekapan bahasa yang ada pada penjawat-penjawat awam.

Pandangan-pandangan di atas, memperlihatkan bahawa bahasa Melayu merupakan aset yang paling baik dalam menjamin kesinambungan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Kepelbagaian mewujudkan pelbagai isu yang sensitif, dan kesensitifan boleh membuatkan rasa kebencian dan seterusnya, mencetuskan konflik. Dengan demikian, perkembangan dan pembangunan bahasa Melayu harus dipupuk dan dibaja dengan penuh rasa tanggungjawab demi kelangsungan sesebuah negara bangsa (Zulkifli, 2012). Justeru itu, usaha memartabatkan bahasa kebangsa-



an sebagai tunjang negara bangsa dapat diperlihatkan dalam agenda politik melalui teras pertama Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) iaitu meletakkan usaha memperkasakan bahasa kebangsaan sebagai strategi utama. Dalam mengorak langkah ke alaf 21, bahasa Melayu kini perlu diperkasakan. Ini kerana cabaran pada alaf ini begitu hebat. Masyarakat Malaysia dan masyarakat serantau yang berbahasa Melayu perlu berjiwa besar untuk memartabatkan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa.

Kenyataan ini sejajar dengan seruan untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu pada masa depan. Dengan tidak menafikan perlu dan pentingnya menguasai bahasa asing, seperti bahasa Inggeris, usaha memartabatkan dan mengantarabangsakan bahasa Melayu perlu diperkukuhkan. Usaha yang dilakukan sejak sekian lama perlu dimantapkan agar hasrat mengantarabangsakan bahasa Melayu dapat dicapai. Usaha ini bersesuaian dengan titah Sultan Brunei, Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, semasa majlis perasmian Jubli Emas penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei (1961-2011). Titah baginda, "Kita sama sekali bukan menafikan kepentingan bahasa asing. Malah kita juga menggalakkannya supaya dipelajari dan didalami, terutama bahasa asing yang utama. Cuma yang lebih di sini kedaulatan bahasa Melayu itu janganlah dikendurkan, jangan sampai dikelasduakan, atau kita dengan sengaja melangkahi dalam keadaan dan ketika yang tidak perlu ...". Baginda, selanjutnya memperkatakan hasrat terhadap MABBIM (Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia) yang antaranya berbunyi "Demikianlah, berdasarkan sejarah, tidak diragui lagi, bahasa Melayu adalah bahasa besar, bahasa yang cukup syarat serta berpotensi untuk menjadi salah satu bahasa dunia sekarang" (Dewan Bahasa, Mei 2012).

CABARAN-CABARAN UNTUK MENGUKUHKAN PERANAN BAHASA MELAYU DALAM DUNIA TEKNOLOGI

Berikut adalah cabaran-cabaran yang dikemukakan dalam Pelan Tindakan Strategik DBP 2011-2015 sebagai rujukan dalam membincangkan cabaran bahasa Melayu dalam dunia teknologi. Oleh itu, bagi meningkatkan penggunaan bahasa Melayu lebih cemerlang maka DBP melihat lapan cabaran utama yang perlu diuruskan dengan strategik dan bijaksana.

CABARAN 1: Meningkatkan imej DBP sebagai institusi bahasa dan persuratan Melayu yang berwibawa.

Imej DBP sebagai institusi bahasa dan persuratan Melayu yang berwibawa perlu ditingkatkan supaya rakyat yakin bahawa amanah yang diberikan kepada DBP untuk memartabatkan bahasa Melayu akan dilaksanakan dengan berkesan. Keyakinan ini akan memudahkan DBP mendapatkan sokongan semua pihak dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan cemerlang. DBP mesti diletakkan dalam



landskap pembangunan negara sebagai agensi kerajaan yang turut memainkan peranan penting dalam membina negara bangsa yang maju dan bertamadun tinggi.

CABARAN 2: Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Bahasa Melayu mampu berkembang maju sebagai bahasa ilmu seperti bahasa-bahasa besar dunia yang lain sekiranya Dasar Bahasa Kebangsaan dilaksanakan sepenuhnya dalam semua sektor, khususnya sebagai medium utama dalam sistem pendidikan negara. Bahasa Melayu yang bermutu dan digunakan dengan meluas oleh rakyat Malaysia akan berkembang menjadi sistem budaya dan pemikiran rakyat dan dengan demikian akan maju ke peringkat yang lebih tinggi.

CABARAN 3: Meningkatkan khazanah persuratan ilmu dalam bahasa Melayu.

Pengayaan khazanah ilmu dan persuratan dalam bahasa Melayu perlu ditingkatkan supaya nilai bahasa Melayu menjadi lebih tinggi sebagai bahasa budaya tinggi. Usaha memperkaya khazanah persuratan dalam semua bidang melalui penerbitan bahan ilmiah dan rujukan umum dalam pelbagai bidang untuk pelbagai peringkat dan dalam pelbagai media mesti dijadikan salah satu agenda utama memartabatkan bahasa Melayu dan dimasukkan dalam agenda pembangunan negara melalui Belanjawan Negara.

CABARAN 4: Meluaskan penggunaan bahasa Melayu dalam sektor swasta.

Pada masa ini, penggunaan bahasa Melayu dalam sektor swasta belum menyerlah dan menyeluruh kerana masih ada pihak yang beranggapan bahawa bahasa Melayu tiada nilai komersial dalam perniagaan. Sikap sedemikian menjadi penghalang kepada perkembangan bahasa Melayu kerana seolah-olah wujud persepsi bahawa bahasa Melayu hanya sesuai digunakan dalam urusan pentadbiran kerajaan.

CABARAN 5: Membina sikap bangga bahasa Melayu dalam kalangan rakyat.

Perasaan bangga bahasa dalam kalangan rakyat merupakan salah satu prasyarat penting bagi bahasa Melayu digunakan dengan meluas dan dengan demikian dapat memainkan peranannya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa ilmu, bahasa perhubungan rakyat berbilang kaum dan bahasa perdagangan. Oleh itu, sikap bangga bahasa perlu dipupuk dalam kalangan rakyat, terutama generasi muda supaya mereka boleh menyerlahkan jati diri melalui bahasa Melayu dan berbangga menjadi penutur bahasa Melayu.

CABARAN 6: Persepsi kurang positif sebilangan golongan rakyat terhadap bahasa Melayu.

Budaya berbahasa Melayu dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Malaysia, termasuk dalam kalangan orang Melayu sendiri tidak cukup mantap kerana adanya tanggapan bahawa bahasa Melayu tidak berkorelasi dengan taraf sosial dan pendidikan serta tidak mempunyai nilai ekonomi yang tinggi. Golongan ini beranggapan bahasa Melayu tidak penting sebagai alat dalam mengejar kemajuan dalam era globalisasi yang didominasi oleh bahasa Inggeris. Keprihatinan serta kesedaran



golongan ini terhadap isu kedaulatan bahasa kebangsaan adalah sesuatu yang membimbangkan dan perlu ditangani segera secara bijaksana dan berhemah.

CABARAN 7: Mendapatkan kuasa penegasan pelaksanaan dan penguatkuasaan bahasa.

Akta A930 Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan) 1995 hanya memberikan DBP kuasa untuk “menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul dan menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya ia digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang berkuat kuasa”. Berbekalkan peruntukan undang-undang ini, DBP hanya boleh memberikan nasihat kepada pihak-pihak yang tidak menggunakan bahasa Melayu dengan betul atau tidak menggunakan bahasa Melayu dalam urusan rasmi mereka. DBP perlu mempunyai kuasa penegasan pelaksanaan dan penguatkuasaan bahasa bagi memastikan panduan dan tegurannya dihormati oleh semua pihak.

CABARAN 8: Menarik minat penulis untuk menerbitkan karya dengan DBP.

Industri penerbitan negara yang berkembang pesat memerlukan DBP mentransformasikan semua aspek penerbitannya yang meliputi sistem penerbitan yang lebih berdaya maju dengan penggunaan teknologi terkini, promosi dan pemasaran penerbitan yang lebih berkesan. DBP perlu memberikan jaminan karya penulis yang menepati piawaian akan diterbitkan dalam tempoh penerbitan yang lebih kompetitif disertai dengan insentif yang menarik (Pelan Tindakan Strategik DBP 2011-2015).

Cabaran yang akan dibincangkan dalam kertas kerja ini akan merujuk juga cabaran yang dikemukakan dalam Pelan Tindakan Strategik DBP 2011-2015 yang menggariskan program dan cabaran yang dapat memberikan impak tinggi kepada pencapaian matlamat DBP. Ini adalah kerana DBP sebagai badan yang bertanggungjawab penuh terhadap pembinaan, pembangunan dan pengembangan bahasa Melayu lebih arif dalam mendekati cabaran-cabaran tersebut, selain cabaran lain yang diusulkan dalam kertas kerja ini.

Hari ini kita berada dalam satu dunia yang menuntut penguasaan ilmu, sains dan teknologi yang tinggi, kemahiran dan kepakaran secara meluas dalam kalangan rakyat jelata. Ia merupakan faktor utama dalam pembangunan sumber daya tenaga manusia atau modal insan sesebuah negara secara menyeluruh yang menjadi faktor utama pula kepada pembangunan dan kemajuan negara itu. Meskipun cabaran dalam teknologi maklumat begitu hebat dan bergerak pantas, bahasa Melayu perlu seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Bahasa Melayu perlu bersepadu dengan teknologi. Melalui cara ini, bahasa Melayu mampu mengaplikasikan sumber ilmu teknologi itu untuk menguasai dan menjana maklumat daripada berbagai bidang kebahasaan bahasa Melayu dalam dunia serba teknikal ini.

Cabaran Pertama: Semua lapisan masyarakat perlu memperlihatkan kesediaan dan bersikap lebih terbuka menghadapi cabaran perkembangan yang pesat dalam



teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang dikuasai pengaruh bahasa asing khususnya, bahasa Inggeris. Oleh itu, mampukah penggiat-penggiat bahasa Melayu menggunakan ICT sebagai alat penyelidikan, perkakasan, perisian, aplikasi dan lain-lain untuk pembangunan bahasa Melayu dengan lebih aktif dan berkesan pada masa depan? Malah perlu diterima sebagai cabaran bahawa bahasa Melayu perlu bersaing dengan berkesan dari sudut peristilahan sains dan teknologi berbanding bahasa Inggeris. Namun begitu, kejayaan negara Korea Selatan dan Jepun maju dalam bidang sains dan teknologi dengan tetap mempertahankan bahasa ibundanya banyak kali dijadikan contoh yang sesuai dengan sosiobudaya kita. Bahasa Inggeris tetap dipelajari sebagai bahasa kedua dan antarabangsa hari ini, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi dan liberalisasi. Oleh itu, tiada halangan untuk kita menjejak kejayaan kedua-dua negara tersebut.

Cabaran Kedua: Masyarakat bahasa Melayu mesti mengguna, mengukuh dan memperluaskan bahasa Melayu di peringkat maya untuk tujuan kenegaraan dan membezakan jati diri masyarakat berbahasa Melayu dengan masyarakat bahasa yang lain. Ini adalah kerana kejayaan menonjolkan imej, kesediaan dan kemampuan bersaing akan memberi impak positif terhadap generasi muda yang mencari identiti sebagai model. Bahasa Melayu boleh mengisi kekosongan ini dan memberi inspirasi baharu ke arah masa depan yang lebih cemerlang. Oleh itu, program pemerksaan bahasa Melayu yang terancang dan direalisasikan dengan berkesan dapat melahirkan sebuah bangsa Malaysia moden. Moden dalam konteks ini mengarah kepada pembentukan satu tamadun bangsa yang berasaskan kepada keutuhan negara bangsa yang berteraskan bahasa, budaya dan pemikiran Malaysia. Justeru, berdamplanglah dengan pihak Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dalam hal mewujudkan kerjasama yang lebih erat dalam membangunkan jati diri masyarakat Malaysia bertunjangan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan sebagai bahasa yang dapat menjadi wasilah perpaduan rakyat yangberlainan latar keturunan dan bahasa yang berkesan untuk pentadbiran, undang-undang, pendidikan, perdagangan dan lain-lain cabang kehidupan.

Cabaran Ketiga: Daripada perspektif sejarah, seharusnya ICT menjadi saluran penggunaan bahasa Melayu untuk meneruskan kesinambungan status sejarahnya sebagai bahasa *lingua franca* dalam cabaran ICT pada masa depan. Bahasa Melayu perlu cukup kukuh, mantap dan bersedia untuk membolehkannya terlibat dalam apa sahaja bidang atau subbidang ilmu pengetahuan yang wujud dalam kehidupan dan seiringan dengan bahasa-bahasa moden lain seperti bahasa Inggeris, Mandarin, Sepanyol, Perancis, Korea, Jepun dan lain-lain. Malah bahasa China/Mandarin sedang mara ke hadapan untuk menjadi sebahagian daripada bahasa-bahasa utama yang digunakan dalam dunia internet hari ini (*Lampiran 1-Top 3 Internet Languages 2013*). Kenyataan di bawah pula membuktikan perkembangan pesat media sosial di Malaysia yang akan membolehkan bahasa Melayu memainkan peranan dalam per-sada teknologi maya dengan aktif. Mengikut Simon Kemp dalam laporan *Digital, Social & Mobile in 2015*, Malaysia mempunyai 30.1 juta penduduk pada tahun 2015



dan 73% adalah penduduk bandar. Daripada jumlah itu, Malaysia mempunyai 20.1% pengguna internet iaitu 66% daripada keseluruhan penduduknya. Setiap pengguna media sosial meluangkan masa 3 jam 27 minit setiap hari secara purata. Media sosial paling popular di Malaysia ialah *WhatsApp*, 38% penduduk mempunyai aplikasi *WhatsApp*. Kedua, *Facebook* yang mana 32% adalah pemegang akaun manakala 29% menggunakan *Facebook Messenger*. Jelas sekali, penggunaan media sosial semakin berkembang pesat di Malaysia (Berita Harian 7 Mac 2015). Keadaan ini diperkukuhkan melalui "*Top Ten Languages in the Internet 2013*" – Lampiran 2 yang membuktikan perkaitan kenyataan di atas tentang tahap penggunaan Internet rakyat Malaysia.

Cabaran Keempat: Evolusi terhadap bahasa Melayu turut berlaku dalam perkembangan era ICT. Penggunaan bahasa Melayu di internet semakin meluas di mana semakin ramai pengguna mengeksplotasi kemudahan komunikasi tersebut. Ini dibuktikan dengan terdapatnya banyak laman berbahasa Melayu di internet yang dibentuk dari negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan lain-lain. Perkembangan ini juga diiringi dengan penyediaan kemudahan e-mel dan *chat* yang secara tidak langsung membantu melestarikan bahasa Melayu. Penerimaan pakai internet ini telah membawa proses evolusi bahasa Melayu ke peringkat maya pada masa depan. Kesan daripada penggunaan ruang siber yang serba luas telah menghasilkan istilah-istilah baharu dalam 'Bahasa Melayu Internet'. Misalnya, perkataan-perkataan seperti kang (nanti), a'kum (assalamualaikum), w'lam (wa'alaikumsalam), dowang (mereka), tipon (telefon) dan persal (mengapa). Pengubahsuaian juga telah dibuat kepada kata ganti nama seperti sayer (saya), dier (dia) dan nko (engkau). Begitu juga, dengan kata tanya telah diubahsuai seperti biler (bila), camner (bagaimana) dan maner (mana). Situasi ini merupakan satu percubaan yang pramatik dan menarik dalam evolusi bahasa Melayu. Namun begitu, manipulasi bahasa seumpama ini jika tidak dibendung mampu memudaratkan pengguna dan nilai bahasa itu sendiri. Oleh itu, amalan seperti ini hendaklah dipantau kerana akan menghasilkan ayat-ayat yang menyeleweng daripada hukum-hukum tatabahasa.

Cabaran Kelima: Kita seringkali mendengar penutur bahasa Melayu menggunakan standard bahasa yang rendah. Bahasanya bercampur aduk, iaitu bahasa Melayu dengan Inggeris. Percampuran itu dilakukan pada setiap peringkat penguasaan bahasa, sebutan, ejaan, imbuhan, frasa, ayat, kosa kata, makna dan peribahasa. Pencemaran bahasa adalah satu fenomena yang telah lama wujud akibat daripada penggunaan teknologi seperti Sistem Pesanan Ringkas (SMS) melalui penggunaan telefon bimbit dan *chatting* di laman maya seperti Internet, *WhatsApp*, *Facebook*, *Twitter*, dan lain-lain. Kebanjiran dan ketaksuban golongan belia dan masyarakat pada penggunaan teknologi kini semakin meluas seiring dengan perkembangan teknologi global dan kita turut terkena tempiasnya apabila tidak dapat mengelakkan kesan buruk akibat lonjakan paradigma tersebut. Ini akhirnya, menyebabkan fenomena pencemaran bahasa dalam sistem pendidikan apabila ada pelajar yang turut



menggunakan bahasa singkatan, simbol, istilah dan sebagainya yang tidak dibenarkan dalam pembelajaran mereka ketika menulis esei atau menjawab dalam peperiksaan.

Cabaran Keenam: Pengurangan peranan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan sebagai kesan pelaksanaan beberapa keputusan, seperti pengajaran subjek-subjek berasaskan sains dan matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah, peningkatan dan peluasan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar kursus di IPTA dan juga pengecualian pengajaran di IPTS dalam bahasa asing serta pengecualian pengajaran bahasa Melayu sebagai subjek wajib. Ia bermula apabila Akta Pendidikan 1996, tidak dihormati apabila asas itu diketepikan dengan keputusan pengajaran sains dan matematik serta subjek-subjek teknikal dalam bahasa Inggeris, bermula pada tahun 2003. Sesudah enam tahun berlangsung, dasar yang bertentangan dengan Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan serta mendatangkan musibah kepada majoriti generasi muda negara ini telah diputuskan untuk dimansuhkan sepenuhnya pada tahun 2012 dan digantikan dengan MBMMBI (Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuh Bahasa Inggeris) dan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, peranan bahasa kebangsaan dalam bidang pendidikan diberi penegasan semula (Awang Sariyan, 2013).

Cabaran Ketujuh: Kenyataan pemimpin yang tidak prihatin atau tanpa usul periksa fakta-fakta sejarah telah merendahkan taraf dan relevannya bahasa Melayu. Ini juga sedikit sebanyak telah menghakis keyakinan masyarakat kepada bahasa Melayu. Ini bertentangan dengan usaha DBP untuk menggalakkan sektor swasta menggunakan bahasa kebangsaan pada papan perniagaan dan iklan mereka, pemimpin bertaraf menteri tersebut bertindak sebaliknya, apabila mengatakan bahasa kebangsaan tidak akan diwajibkan lagi pada papan perniagaan dan iklan. Beliau mengabaikan kerja keras pejuang bahasa yang didakwanya berfikiran sempit, lalu menyeru agar digiatkan usaha meluaskan penggunaan bahasa Inggeris untuk mencapai kemajuan dan tidak menghormati salah satu asas kenegaraan, iaitu bahasa kebangsaan, mengisytiharkan bahawa urusan di kementeriannya dilaksanakan dengan menggunakan bahasa Inggeris (The STAR 1 January 2004). Kenyataan yang bersifat paradoks ini merupakan salah satu cabaran yang sewajarnya ditangani dengan tegas oleh kepimpinan negara.

Cabaran Kelapan: Penguatkuasaan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di tempat awam memerlukan ketegasan dan keselarasan termasuk tindakan undang-undang dalam sektor tertentu seperti majlis-majlis tempatan (bandaraya, perbandaran dan daerah), penyiaran (Kementerian Komunikasi dan Multimedia/Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia) termasuk organisasi dan individu yang menggunakan bahasa Melayu di premis masing-masing. Sikap acuh tidak acuh menjadi penghalang kepada perkembangan bahasa Melayu kerana seolah-olah wujud persepsi bahawa bahasa Melayu hanya sesuai digunakan dalam urusan pentadbiran kerajaan. Malah penggunaan bahasa Melayu dalam sektor



swasta belum menyerlah kerana masih ada pihak yang beranggapan bahawa bahasa Melayu tiada nilai komersial dalam perniagaan.

Masa mendatang penuh cabaran dan likunya. Cabaran fenomena globalisasi, liberalisasi dan perkembangan pesat ilmu pengetahuan, khususnya dalam bidang sains, teknologi maklumat dan komunikasi sentiasa bergerak dengan dinamik. Bertindak balas dengan bijaksana, menangani cabaran mendatang.

STRATEGI-STRATEGI UNTUK MENGUKUHKAN PERANAN BAHASA MELAYU DALAM DUNIA TEKNOLOGI

Berikut adalah strategi-strategi dalam Pelan Tindakan Strategik DBP 2011-2015 bagi meningkatkan penggunaan bahasa Melayu lebih cemerlang bersandarkan kepada 2 strategi utama iaitu, ketersediaan dan kebolehcapaian. Ketersediaan bermaksud produk dan perkhidmatan bahasa dan persuratan Melayu akan diperbanyakkan untuk memenuhi keperluan semua golongan pengguna manakala kebolehcapaian bermaksud produk dan perkhidmatan DBP sampai kepada pengguna dengan cepat. Dua strategi utama ini diperkukuhkan melalui lapan strategi yang berikut:

STRATEGI 1: Peluasan dan peningkatan penggunaan bahasa Melayu dalam sektor awam, swasta serta masyarakat.

Kegiatan penataran bahasa, pemupukan bahasa, pemantauan bahasa, pengukuhan dasar bahasa, perkhidmatan bahasa dan penyebaran maklumat bahasa melalui bahan edaran bercetak dan secara elektronik dilaksanakan dengan lebih banyak dan secara lebih terancang. Kegiatan yang menyokong pelaksanaan strategi memartabatkan bahasa Melayu Kementerian Pelajaran Malaysia juga ditingkatkan.

Strategi 2: Pemantapan korpus dan khazanah ilmu serta akses terhadap sumber tersebut.

Sumber rujukan leksikal dan rujukan ilmu pengetahuan dalam bahasa Melayu melalui penggubalan istilah, penyusunan kamus istilah, kamus ekabahasa dan dwi-bahasa serta penyusunan ensiklopedia khusus dan umum akan diperbanyakkan. Kegiatan yang dijalankan meliputi penyelidikan, pengumpulan, pengemaskinian dan penyebaran segala khazanah ilmu pelbagai bidang dan maklumat bahasa, sastera dan budaya alam Melayu secara berterusan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi.

Strategi 3: Pemerdayaan terbitan berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu untuk pelbagai kumpulan sasaran.

Penerbitan merupakan wahana penting bagi perkembangan ilmu serta pembinaan tamadun bangsa. DBP berusaha meningkatkan penerbitan kreatif pelbagai genre dan ilmu yang berkualiti, sama ada dalam bentuk bercetak atau elektronik meliputi pelbagai bidang untuk pelbagai kumpulan sasaran. Dalam usaha untuk mening-



katkan jumlah dan mempercepat proses penerbitan, DBP melaksanakan pelbagai kaedah, terutama kaedah kerja perbengkelan panel pakar bidang dari tahap perancangan, penulisan hingga pembinaan manuskrip lengkap.

STRATEGI 4: Penegasan pelaksanaan dan penguatkuasaan Dasar Bahasa Kebangsaan.

Peruntukan undang-undang tentang taraf dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu dipertegas dalam pelaksanaan dan penguatkuasaannya. Penegasan ini dibuat melalui kajian peruntukan bahasa dalam undang-undang sedia ada, pemantapan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dalam enam sektor tumpuan utama, iaitu pendidikan, kewangan, pentadbiran kerajaan, kepenggunaan, komunikasi dan penyiaran dan tempat awam serta pelaksanaan audit bahasa untuk menilai status dan mutu penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai sektor dan pemantauan penggunaan bahasa.

STRATEGI 5: Peningkatan program pembangunan karyawan ilmu dan kreatif.

Program pembangunan karyawan ilmu dan kreatif dilaksanakan melalui bengkel penataran dan pemantapan penulisan untuk karyawan baharu dan mapan supaya mereka dapat menghasilkan lebih banyak karya berkualiti yang akan menambah bahan bacaan dan rujukan dalam bahasa Melayu.

STRATEGI 6: Peningkatan usaha membina dan memperluas khalayak bahasa dan persuratan kebangsaan.

Pelbagai kegiatan diadakan untuk memperluas khalayak bahasa dan persuratan kebangsaan. Antaranya termasuklah pementasan teater dan pelbagai pertandingan untuk mengasah bakat dalam bidang bahasa dan sastera.

STRATEGI 7: Peningkatan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak di dalam dan di luar negara.

Kerjasama strategik dengan pihak awam dan swasta serta pihak luar negara diperkukuh melalui perjanjian persefahaman. Kerjasama dengan sukarelawan bahasa dan sastera digerakkan supaya program bahasa dan sastera dapat dilaksanakan dengan lebih mantap. Kerjasama antarabangsa melalui MABBIM, MASTERA dan MABM ditingkatkan manakala kerjasama dengan pihak kedutaan Malaysia di luar negara akan dirintis bagi memastikan bahasa dan persuratan Melayu dapat disebar-kan secara meluas ke peringkat antarabangsa.

STRATEGI 8: Pemantapan program penghargaan dan pengiktirafan karya dan karyawan bahasa dan persuratan (kreatif dan ilmu) pada peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Penghargaan dan pengiktirafan karya dan karyawan bahasa dan persuratan pada peringkat kebangsaan diberikan melalui pelbagai anugerah dan hadiah seperti Anugerah Sastera Negara, Hadiah Sastera Perdana Malaysia, Anugerah Sastera Negeri dan beberapa anugerah buku. Pada peringkat serantau, Sasterawan Muda



MASTERA dan Anugerah Penulisan Asia Tenggara (*S.E.A. Write Award*) ialah dua bentuk penghargaan yang diberikan kepada karyawan dari Asia Tenggara oleh Kerajaan Indonesia dan Kerajaan Thailand. Pada peringkat antarabangsa, DBP akan berusaha mengemukakan pencalonan karya untuk Hadiah Keamanan Nobel kategori Sastera (*Nobel Peace Prize Literature*) dan anugerah-anugerah lain (Pelan Tindakan Strategik DBP 2011-2015).

Strategi-strategi yang akan dibincangkan dalam kertas kerja ini juga akan mengambil pendekatan melengkapkan Pelan Tindakan Strategik DBP 2011-2015. Ia hanyalah idea untuk bersama-sama meningkatkan keupayaan dan mengembangkan bahasa Melayu dalam bidang teknologi.

Strategi Pertama: Mewujudkan “kumpulan pakar” kalangan generasi muda sebagai pemikir, pelapis dan pencipta daripada berbagai latar belakang pendidikan atau kelulusan sama ada institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan, organisasi dan orang awam yang berminat usaha memasyarakatkan teknologi dalam meningkatkan pengembangan dan penggunaan bahasa Melayu. Ini boleh dilakukan dengan meningkatkan kerjasama strategik dan sinergi dengan pusat penyelidikan dan universiti di dalam dan luar negara termasuk universiti yang memiliki Penyandang Kursi Bahasa Melayu. Oleh itu, usaha-usaha penyelidikan dan pengembangan bahasa dan persuratan Melayu dapat dilipatgandakan lagi dengan lebih berkesan.

Strategi Kedua: Penubuhan Pusat Persuratan Melayu Malaysia boleh dijadikan landasan awal untuk memulakan usaha-usaha berkesan ke arah peningkatan bahasa Melayu dalam bidang teknologi. Seterusnya, perkukuhkan jaringan kerjasama yang lebih strategik antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Institut Terjemahan dan Buku Negara dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPPIM) yang menggemblengkan penerbit institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan dan badan-badan lain digerakkan agar untuk dapat benar-benar memenuhi tanggungjawab sosial dalam penyediaan dan penerbitan karya ilmu untuk kelompok dewasa, remaja dan kanak-kanak dalam bentuk cetakan mahupun elektronik. Oleh itu, perlu ada dana khusus untuk menjayakan agenda memperkaya khazanah ilmu dalam bahasa Melayu. Lebih berkesan dijadikan agenda nasional.

Strategi Ketiga: Memastikan capaian mudah khidmat rujukan bahasa dan persuratan secara atas talian bahan-bahan berbahasa Melayu selari dengan perkembangan dan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi. Istilah, kamus, ensiklopedia dan bahan rujukan bahasa dan persuratan perlulah diperbanyak dan dipelbagaikan. Misalnya, istilah baharu dalam sains hendaklah dimantapkan dan haruslah disebarkan segera kepada masyarakat pengguna berbahasa Melayu (Dohimbang Bongkihoi, 2011). Untuk meningkatkan capaian, bahan rujukan bahasa dan persuratan Melayu disebarkan melalui aplikasi telefon pintar dan komputer tablet kerana peranti sebegini merupakan saluran utama pelajar, remaja dan golongan profesional muda berinteraksi. Melalui cara ini, ia dapat diperluaskan kepada pelbagai golongan



masyarakat dan disediakan dengan lebih cepat, mudah dan berkesan. Cadangan dilantik Pegawai Perancang Bahasa daripada mereka yang berlatarbelakangkan sains, teknologi dan kejuruteraan.

Strategi Keempat: Bekerjasama dalam mewujudkan sebanyak mungkin portal *online*. Langkah-langkah awal seperti portal www.malaycivilization.com yang dibina khas di ATMA cuma satu tapak kecil dalam langkah besar untuk menyebarkan bahan berbahasa Melayu di ruang siber. Pendek kata, pintu untuk memperkembangkan bahasa Malaysia sudah bertambah baik, semakin menjadi lebih menarik. Oleh itu, usaha-usaha ke arah mensiberkan istilah bahasa Melayu dalam teknologi maklumat hendaklah terus diperkembangkan (Zamri Mohamad, 2001). Misalnya, ATMA sudah memasukkan Kamus Peribahasa Melayu Digital dalam internet <http://www.atma.ukm.my>. Kamus ini merupakan kamus digital peribahasa Melayu yang pertama kerana membolehkan pencarian peribahasa Melayu mengikut makna dan kategori (Ding Choo Ming & Arba'eyah Abdul Rahman, 2002). Usaha-usaha awal seperti langkah DBP menyertai Persatuan Perangkaan Bahasa Sejagat (*Universal Networking Language*) dengan hasrat untuk memperkasakan usaha penyediaan prasarana bahasa yang lebih mantap hendaklah diperhebatkan. Di samping itu, penghasilan produk teknologi bahasa turut diperkasakan melalui pelbagai program seperti Gerbang KaryaNet <http://www.karyanet.com.my> merupakan medan penerbitan elektronik yang luas untuk dimanfaatkan (Chin Lee Yim, 2004). Begitu juga, dengan perisian Microsoft Office turut mengusahakan Pengguna Perisian Antara Muka Microsoft dalam bahasa Melayu dengan usaha sama DBP (Marlyna Maros, 2001).

Strategi Kelima: Kerjasama media cetak dan elektronik ke arah meningkatkan peranannya dalam pembudayaan bahasa Melayu tinggi. Kita barangkali memang tidak dapat membendung fenomena bahasa rojak, slanga dan segala bentuk bahasa yang mewakili realiti sosial yang ada. Namun begitu, dengan menyajikan program-program yang dapat memasyarakatkan bahasa Melayu tinggi, bahasa Melayu dapat bertahan sebagai bahasa yang mewakili budaya tinggi.

Strategi Keenam: Memerlukan ketegasan dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan bahasa Melayu. Mekanisme penguatkuasaan dan tindakan perlu dirancang dengan rapi agar sikap tidak menghormati bahasa kebangsaan dipandang serius oleh semua pihak, sama dengan seriusnya tindakan kepada orang yang melanggar undang-undang negara yang lain. Inilah adalah salah satu asas negara yang perlu dipertahankan dan dihormati semua warganegara.

Strategi Ketujuh: Bahasa Melayu perlu dirancang ke arah status bahasa supranasional, iaitu bahasa serantau dan bahasa antarabangsa. Bahasa Melayu yang gemilang dalam zaman Sriwijaya dan Kesultanan Melayu Melaka ialah bahasa yang tidak terikat oleh batas geopolitik. Selain memperkuatnya di peringkat negara, segala usaha kerjasama dengan negara-negara berbahasa Melayu yang lain dan mana-



mana sahaja pihak yang dapat membantu melonjakkan citra dan kedudukan bahasa Melayu pada satu kedudukan yang bakal dihormati. Bagi mencapai hasrat tersebut, peranan dan tanggungjawab negara-negara yang masyarakatnya berbahasa Melayu adalah membina “empayar” untuk mengembangkan sastera, budaya dan penerbitan dalam Bahasa Melayu di peringkat maya. Persefahaman dan kerjasama dalam perkembangan di peringkat maya ini perlu menggunakan teknologi terkini seperti ICT untuk dimanipulasikan sebagai alat penyelidikan, perkakasan, perisian, aplikasi dan lain-lain dalam memperkembangkan bahasa Melayu. Oleh itu, dasar persejagatan bahasa Melayu di peringkat maya juga dapat direalisasikan dalam era ICT dengan mengaplikasikan semangat nasionalisme, pengetahuan dan teknologi terkini dalam negara-negara yang berbahasa Melayu.

Strategi Kelapan: Kerjasama peringkat antarabangsa perlulah diteruskan bagi memanfaatkan prasarana dan mekanisme sedia ada terutama yang melibatkan hubungan dan kerjasama antara negara, seperti Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM), Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) dan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM). Ini adalah medan terbaik dan tersusun bagi membolehkan kerjasama di kalangan masyarakat berbahasa Melayu di rantau ini. Program Semarak Bahasa yang dijalankan di rantau selatan Thai dan Kemboja adalah contoh terbaik untuk mendekati kumpulan-kumpulan kecil berbahasa Melayu hari ini yang boleh membuka jalan kepada kerjasama antara negara seperti Thailand, Kemboja dan Filipina.

PENUTUP

Negarawan, Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menegaskan bahawa bahasa kebangsaan sebagai roh bangsa dan negara yang merdeka tidak seharusnya dikorbankan atas nama pembangunan kerana kemajuan yang hakiki meliputi keupayaan kita maju dalam bahasa dan landasan budaya kita sendiri. Malah pada tahun 1935, O.T. Dusseck memberitahu penuntut-penuntutnya bahawa ada tiga tenaga pendorong dalam hidup ini, iaitu agama, adat resam dan bahasa. Tegas beliau, “...bahasa kamu, saya percaya, diucapkan oleh lebih 70 juta manusia. Ia merupakan satu daripada rumpun-rumpun bahasa terbesar dunia. Jangan lupakan hakikat itu.”

“Pelihara bahasa kamu itu, berusaha meninggikannya ke tarafnya yang layak di kalangan bahasa-bahasa dunia. Bila taraf bahasa kamu tinggi, akan tinggilah juga taraf bangsa kamu.” (The Straits Times; 1935). Demikian petikan ucapan daripada seorang mantan pegawai berbangsa Inggeris yang bertugas di Tanah Melayu sebelum merdeka. Ucapan beliau telah memberikan gambaran yang jelas tentang keyakinan bahawa bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu yang sama tarafnya dengan bahasa-bahasa antarabangsa yang lain sekiranya kita berusaha mempertahankan keluhuran dan kedaulatannya. Akhirnya, bahasa itu sendiri menunjukkan bangsa yang menuturkannya.



Akhir sekali, saya akhiri kertas kerja ini dengan serangkap pantun yang menggambarkan bahasa sebagai harga diri sesebuah bangsa yang bermaruah dan dihormati.

Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa,
Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bahasa.

“Bahasa Jiwa Bangsa”

BIBLIOGRAFI

1. Abu Hassan Othman. (1997). “Transformasi Masyarakat dalam Konteks Pembinaan Negara bangsa Malaysia”. Dalam M. Yaakob Johari. (ed). Agenda Pembinaan Negara Bangsa Malaysia dalam Era Kebangkitan Asia. Kota Kinabalu: Institut Kajian Pembangunan.
2. Awang Sariyan, Datuk Dr. (2013). Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Melayu VIII pada 13 – 14 November 2013 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
3. _____ (2012). Ucapan Alu-aluan Sempena Pelancaran Pelan Tindakan Strategik DBP 2011-2015 pada 13 Julai 2012.
4. _____ (2009). Peranan Bahasa dalam Pembinaan Insan dan Pembangunan Masyarakat Hadhari. Jurnal Hadhari Bil. 1 (2009) 1-29. Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
5. Berita Harian. 7 Mac 2015 (Cabaran Media Sosial dalam Komuniti Asean oleh Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani).
6. Chin Lee Yim. (2004). Kesejagatan Bahasa Melayu melalui Teknologi. Dewan Bahasa, Mac 2004.
7. Ding Choo Ming dan Arba’eyah Abdul Rahman. (2002). Daripada Kamus Peribahasa Melayu Digital ATMA kepada Perkamusan Bahasa Berkomputer. Dewan Bahasa, Julai (hlm.48-54).
8. Dewan Bahasa, Mei 2012 (Artikel Pengantarabangsaan Bahasa Melayu: Usaha dan Iltizam oleh Indrawati Zahid).
9. Dohimbang Bongkihoi. (2011). Implikasi Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris Terhadap Penggunaan Istilah Sains dalam Bahasa Melayu. Tesis Ijazah Master Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
10. http://www.academia.edu/7532807/Artikel_Cabaran_Bahasa_Melayu oleh Salmiah Mohd Nordin. Dirujuk sumber pada 4 Mac 2015 jam 10.00 malam.



11. <http://cikgu-rozali.blogspot.com/2012/05/bahasa-melayu-dalam-era-teknologi.html>.Dirujuk sumber pada 4 Mac 2015 jam 10.30 malam.
12. Internet World Stats-www.internetworldstats.com/languages.htm-Top 3 Internet Languages 2013.
13. Internet World Stats-www.internetworldstats.com/stats7.htm-Top Ten Languages in the Internet 2013.
14. Kamus Dewan. (2000). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
15. Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010.
16. Marlyna Maros. (2001). Bahasa Melayu dalam Pembentukan Negara Bangsa: Antara Hasrat dengan Hakikat. Dewan Bahasa, Julai 2001.
17. Muhyiddin Mohd Yassin, Tan Sri Dato' Haji. (2012). Ucapan Perasmian Pelan Tindakan Strategik DBP 2011-2015 pada 13 Julai 2012.
18. _____.(2011). Ucapan Perasmian Sempena Pelancaran Bulan Bahasa Peringkat Kebangsaan 2011 di Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM).
19. Nor'Aini Ahmad (2008).Tahap Kemahiran ICT Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
20. Noradinah Jaidia, Yusri Abdullah, Suraya Tarasat & Sri Kartika Rahman (2014). (Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkih, Universiti Brunei Darussalam). Kesan Penggunaan Perisian iMindMap dalam Penulisan Karangan Jenis Rencana. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134 (2014) 389 – 398.
21. Rustam A. Sani. (1993). Melayu Baru dan Bangsa Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
22. Suraya Tarasat & Aisah Daud (2014). (Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkih, Universiti Brunei Darussalam). Kesan Penggunaan Perisian Asas Membaca Terhadap Pencapaian Membaca Murid Peringkat Prasekolah. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134 (2014) 399 – 407.
23. Qais Faryadi (2006). Bye, bye verbal-only method of learning: Welcome interactive multimedia. UiTM Malaysia. 2006. Dimuat turun dari <http://www.eric.ed.gov/PDFS/ED494427.pdf>
24. Zamri Mohamad. (2001). Bahasa Melayu sebagai Bahasa Siber. Dewan Bahasa, Jun 2001 (hlm 9-13).
25. Yong Chyn Chye dan S.Vijayaletchumy (2012). Analisis Kesilapan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu oleh Pelajar Asing. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 12(2), Mei 2012.
26. Zulkifley Hamid (2012). Keupayaan Berbahasa Melayu dalam Kerangka Satu Malaysia (*Malay Proficiency in the Concept of One Malaysia*). e-Bangi - Journal of Social Sciences and Humanities. Vol. 7 No. 2012.

